

# Kerajaan pertimbang liberalisasikan AP untuk kurangkan harga gula



USAHA mengkaji lesen import gula yang telah berlarutan selama berdekad-dekad dipandang serius bagi mengurangkan beban rakyat.-UTUSAN ONLINE/GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR 2 Ogos - Kerajaan mempertimbangkan cadangan meliberalisasikan lesen permit import (AP) gula sebagai satu daripada usaha untuk memecahkan monopoli gula seterusnya mengurangkan harga runcit bahan keperluan asas itu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Chong Chieng Jen berkata, usaha mengkaji lesen import gula yang telah berlarutan selama berdekad-dekad dipandang serius bagi mengurangkan beban rakyat.

“Pada ketika ini, penetapan harga gula dibuat berdasarkan harga gula mentah dunia serta mengambil kira kos pentadbiran, operasi kilang penapis, logistik, margin pengilang, peruncit serta pemborong bagi memproses gula mentah kepada gula bertapis.

Iklan ditutup oleh Google

Hentikan iklan ini

Mengapa iklan ini? ⓘ

Setelah mengambil kira kos-kos ini, kerajaan berpendapat adalah mustahil harga jualan runcit gula putih dapat diturunkan pada kadar RM1.50 dan harga gula di Malaysia yang pada ketika ini ditetapkan pada RM2.95 per kilogram bagi gula putih kasar dan RM3.05 bagi gula putih halus merupakan antara yang terendah di ASEAN," katanya pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Beliau menjawab soalan Pang Hok Liong (PH-Labis) yang meminta kementerian menjelaskan sama ada akan mengeluarkan lebih Permit Import (AP) kepada syarikat pengimport gula supaya harga gula dapat diturunkan sehingga kadar RM1.50 sekilogram atau lebih murah.

Menurut Chong, kerajaan harus memberi pertimbangan kepada faktor-faktor lain seperti kesan kepada industri perkilangan serta mutu dan kualiti gula bertapis sebelum membuat sebarang penetapan kepada harga gula.

Membandingkan harga gula tempatan dan harga gula serantau, beliau menjelaskan bahawa sekilogram gula di Indonesia dijual pada harga RM3.58/per kg, Vietnam (RM4.41/per kg) dan Singapura (RM4.65/per kg).

Antara pengilang utama di Malaysia adalah Malayan Sugar Manufacturing (MSM), Prai, Pulau Pinang; Central Sugar Refinery (CSR), Shah Alam, Selangor; Gula Padang Terap (GPT) di Padang Terap, Kedah dan Kilang Gula Felda Perlis (KGFP), Chuping, Perlis.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata kementerian akan mengkaji cadangan untuk memastikan kilang penapisan gula mendapat sijil halal.

Isu itu ditimbulkan dalam soalan tambahan Datuk Dr Noraini Ahmad (BN-Parit Sulong) yang ingin tahu bagaimana kementerian dapat memastikan kualiti dan kebersihan gula mentah terjamin memandangkan syarikat pengimport tidak perlu mendapatkan sijil halal.

Bagaimanapun, Chong turut menampelak Noraini kerana hanya menimbulkan isu sijil halal hanya setelah kerajaan bertukar tangan daripada Barisan Nasional (BN) kepada Pakatan Harapan (PH).

"Pada masa ini, ada lima kilang yang mengimport dan menapis gula mentah yang diimport dan mereka telah melakukannya selama berdekad-dekad, tetapi masalah sama ada kilang ada sijil halal tidak pernah ditimbulkan sebelum ini.

Hanya sekarang ia ditimbul, kita akan kaji perkara ini kerana ini polisi kerajaan BN tetapi semasa BN tidak timbul langsung sama ada gula import halal atau tidak, tiba-tiba bila bertukar kerajaan baharu soalan timbul, jadi kita akan kaji," katanya. - BERNAMA

<http://www.utusan.com.my/berita/nasional/kerajaan-pertimbang-liberalisasikan-ap-untuk-kurangkan-harga-gula-1.721146>